



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 24
No. 26

18hb Disember 1980

TAMBAHAN No. 85
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 357.

AKTA MALAYSIA

ce.f - 1.6.81
(PU(B)264/81)

PERINTAH AKTA MAHKAMAH RENDAH (PERLUASAN) 1980

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 74 Akta 26/63. Malaysia, Yang di-Pertuan Agong membuat Perintah yang berikut:

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Akta Mahkamah Rendah (Perluasan) 1980**, dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui pemberitahu dalam *Warta*.

Nama dan mula berkuatkuasa.

** 1.6.81*
(PU(B)264/81)

2. (1) Akta Mahkamah Rendah, 1948 adalah diubahsuai seperti dalam Jadual Pertama.

Ubahsuai dan perluasan bagi Akta 92.

(2) Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah, 1950 dan Kaedah No. 2 Mahkamah Rendah (Fee Jenayah) tahun 1951 adalah diubahsuai seperti dalam Jadual Kedua.

L.N. 339/50.
L.N. 597/51.

(3) Akta dan Kaedah-kaedah tersebut sebagaimana diubahsuai oleh perenggan-perenggan kecil (1) dan (2) adalah dengan ini diperluaskan ke Sabah dan Sarawak.

3. Akta Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah, 1955 adalah diubahsuai seperti dalam Jadual Ketiga.

Ubahsuai bagi Akta 55.

4. (1) Tiada apa-apa jua dalam Perintah ini boleh menyentuh sahnyanya langkah pembicaraan yang dibawa sebelum mula berkuatkuasanya Perintah ini dalam mana-mana mahkamah rendah kepada Mahkamah Tinggi dan yang sedia ada sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Perintah ini, dan langkah pembicaraan ini hendaklah dijalankan dan diteruskan hingga selesai seolah-olah Perintah ini telah tidak dibuat, dan mahkamah itu hendaklah terus menjalankan bidangkuasa dengan sewajarnya berkenaan dengan langkah pembicaraan itu, dan tatacara yang dipakai bagi langkah pembicaraan itu sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Perintah ini hendaklah terus dipakai baginya.

Kecualian.

P.U. (A) 359.

AKTA MALAYSIA

PERINTAH ORDINAN TAHAN-HARTA (PERLUASAN) 1980

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 74 Akta Malaysia, Yang di-Pertuan Agong membuat Perintah yang berikut: 26/63.

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Ordinan Tahan-harta (Perluasan) 1980**, dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui pemberitahu dalam *Warta*. Nama dan mula berkuatkuasa.

2. Ordinan Tahan-harta 1951, adalah diubahsuai seperti dalam Jadual dan sebagaimana diubahsuai sedemikian itu adalah diperluaskan ke Sabah dan Sarawak. Ubahsuai dan perluasan bagi P.T.M. 28/51.

3. Tiada apa-apa jua dalam Perintah ini boleh menyentuh sahnya langkah pembicaraan yang dibawa sebelum mula berkuatkuasa Perintah ini dan langkah pembicaraan itu hendaklah dijalankan dan diteruskan hingga selesai seolah-olah Perintah ini telah tidak dibuat dan tatacara yang dipakai bagi langkah pembicaraan itu sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Perintah ini hendaklah terus dipakai baginya. Kecualian.

JADUAL

(Perintah 2)

UBAHSUAIAN-UBAHSUAIAN KEPADA ORDINAN TAHAN-HARTA 1951

(P.T.M. 28 tahun 1951)

Seksyen

Ubahsuai

1. Tinggalkan "and shall come into force on such date as the High Commissioner may, by notification in the *Gazette*, appoint".

2. Dalam takrif "bailiff", tinggalkan semua perkataan selepas "High Court".

8 (g) ... 1. Gantikan "Municipal Commissioners for municipal purposes" dengan "local authority for local authority purposes".

2. Tinggalkan "charged with responsibility for the administration of justice".

23 (5) ... Gantikan "sections 72 and 93 (1) (c) of the Courts Ordinance, 1948" dengan "section 72 and proviso (b) to section 93 (1) of the Subordinate Courts Act, 1948". Act 92.

26 (1) Gantikan "Ordinance and Enactment" dengan "written laws".

26 (3) ... Gantikan "rules made under the Rule Committee Ordinance, 1948, or other written law" dengan "rules of court".

Section	Modification
23 (5) ...	For "sections 72 and 93 (1) (c) of the Courts Ordinance, 1948" substitute "section 72 and proviso (b) to section 93 (1) of the Subordinate Courts Act, 1948". <i>Act 92.</i>
26 (1) ...	For "Ordinance and Enactment" substitute "written laws".
26 (3) ...	For "rules made under the Rule Committee Ordinance, 1948, or other written law" substitute "rules of court".
Schedule ...	1. For "Ordinance and Enactment" substitute "Written law". 2. Insert at the end— <i>"Sabah Cap. 37.</i> The Distress for Rent Ordinance The whole".

Made the 21st November 1980.

[PN. (SU. 2) 131; PM. (R) 11880/A/4/1; PN. (PU²) 370.]

By Command,

TAN SRI DATO' ABDULLAH BIN AYUB,
Secretary to the Cabinet

(To be laid before each House of Parliament pursuant to section 74 (9) of Malaysia Act.)

P.U. (A) 360.

AKTA WANG TAK DITUNTUT 1965

PERINTAH WANG TAK DITUNTUT (PINDAAN) 1980

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen-kecil (1) seksyen 8 Akta Wang Tak Dituntut 1965, Menteri membuat Perintah yang berikut: 74/65.

- Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Wang Tak Dituntut (Pindaan) 1980**, dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 28hb Januari 1976. Nama dan mula berkuatkuasa.
- Jadual kepada Perintah Wang Tak Dituntut 1976 adalah dipinda dengan memotong angka dan perkataan "75. Bank Negara, Kuala Lumpur." Pindaan bagi Jadual. P.U. (A) 16/76.

Bertarikh pada 27hb November 1980.

[S. (12.20) 443/34-1 Jd. 4; PN. (PU²) 254.]

TENGGU RAZALEIGH HAMZAH,
Menteri Kewangan